

**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGH EDUCATION



MERENTASI DAN MELANGKAUI

25 tahun

MOHAMAD KADIM SUAIDI

Uni
LB
2321
M697
2017

P KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000278181

Merentasi dan Melangkaui
25 Tahun

25 Years and Beyond



The 25th anniversary logo overall design reflects the University's journey since 1992. It symbolises resilience, excellence and perpetuation.

The number 25 is designed to represent the Rhinoceros Hornbill, the official bird of the state of Sarawak. The legendary hornbill also embodies the aspiration of the University to become an internationally acknowledged institution for teaching, research and scholarship.

Red represents courage, and it illustrates the university's tenacity to pursue its mission as the knowledge hub in Sarawak that generates, disseminates and applies knowledge strategically and innovatively, to enhance the quality of the nation's culture and prosperity of its people.

Silver represents the celebration of the university's twenty-fifth year of establishment. It also captures the strength and willpower of the individuals who founded UNIMAS in its early days that have lived in the hearts and minds of UNIMAS citizens today. The UNIMAS logo is integrated into the design of the Jubilee logo. It illustrates the stability and consistency of the university spirit's to celebrate its intellectual achievements. The Jubilee logo denotes the university's determination to continue to soar as a proactive university of Borneo, Sarawak.

Merentasi dan Melangkaui
25 Tahun
25 Years and Beyond

MOHAMAD KADIM SUAIDI

© Mohamad Kadim Suaidi, 2017

Hakcipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara apa juu sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh.
UNIMAS Publisher
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan,
Sarawak, Malaysia.

Dicetak oleh.
Asahi Arts
Grd Floor, S/L 10, Lot 10973, Block 16, Jalan Song,
93350 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohamad Kadim Suaidi, Dato' Prof. Dr.

Merentasi dan Melangkuai 25 Tahun = 25 Years and Beyond / MOHAMAD KADIM SUAIDI.

ISBN 978-967-2008-35-4

1. Universiti Malaysia Sarawak. 2. Education, Higher--Malaysia--History
3. Universities and colleges--Sarawak. 1. Judul. Twenty five years and beyond.
378.59522
- OM
LB
121
501
517



KANDUNGAN

- 1** BELASUNGKAWA PRO CANSELOR
- 2** MERENTASI DAN MELANGKAUI 25 TAHUN UNIMAS
- 9** SAMBUTAN 25 TAHUN JUBLI PERAK UNIMAS
- 10** CABARAN 2017
- 15** IMBASAN KEJAYAAN 2016
- 45** MEMANTAPKAN PELAN STRATEGIK UNIMAS 2016-2020
- 53** HALA TUJU 2017
- 73** DOA DAN HARAPAN

BELASUNGKAWA PRO CANSELOR UNIMAS




AL-FATIHAH
YAB DATUK PATINGGI TAN SRI (DR)
HAJI ADENAN HAJI SATEM
(1944 - 2017)

The background of the entire page is a dark, grainy photograph of an aerial view of a bridge over a body of water at night. The water's surface is filled with numerous small, bright white reflections from lights, creating a textured pattern across the dark blue-grey water. A long, straight bridge with a red railing runs diagonally from the bottom right towards the center of the frame.

Merentasi dan Melangkaui ***25 Tahun***

25 Years and Beyond



Tema ini sangat signifikan dengan misi dan visi UNIMAS, iaitu untuk menjadi sebuah Universiti komprehensif abad ke-21.

Dalam mengharungi cabaran dan tuntutan global pada ketika ini, adalah penting bagi warga Universiti untuk kembali memikirkan semula peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam organisasi yang disayangi ini.

Refleksi diri dan organisasi wajar dilaksanakan, khususnya selepas 25 tahun keberadaan UNIMAS sebagai nadi ilmu di Kota Samarahan dan Bumi Kenyalang. Kejayaan hari ini adalah hasil daripada usaha dan komitmen berterusan para pimpinan Universiti sejak awal penubuhannya.





Kecemerlangan yang telah UNIMAS capai selama 25 tahun akan diteruskan. Kita percaya bahawa jika tiada pemimpin terdahulu maka UNIMAS tidak akan berada pada tahap kegemilangan pada hari ini. Justeru itu, setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada barisan mantan Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib-Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Ketua-ketua PTj serta semua staf, baik daripada Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional mahupun Kumpulan Akademik. Usaha yang tidak mengenal lelah insan-insan berjasa, serta disokong seluruh warga kerja Universiti, tetap terpahat dalam lipatan memori dan juga sejarah UNIMAS.



Dari Rumah Setia, Taman Budaya di Bandar Kuching pada ketika itu, UNIMAS bermula dengan dua buah fakulti iaitu Fakulti Sains dan Teknologi Sumber dan Fakulti Sains Sosial. Selain itu, dua buah pusat sokongan akademik turut ditubuhkan iaitu Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia, dan Pusat Khidmat Maklumat Akademik.

Sementara menunggu siapnya kampus sementara di Kota Samarahan, operasi pembelajaran dijalankan di Pusat Latihan Telekom, Semariang. Kampus Kota Samarahan telah dilancarkan secara rasminya oleh Perdana Menteri pada ketika itu, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Ogos 1993 bersempena dengan perayaan Hari Kebangsaan.

Keunggulan UNIMAS terserlah pada 9 Ogos 1997, apabila berlangsungnya Majlis Konvokesyen UNIMAS yang pertama di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Seramai 153 graduan perintis dari empat fakulti telah menerima ijazah masing-masing. Jumlah ini terdiri daripada 122 graduan prasiswa dan 31 pascasiswa.

Sesungguhnya, keunggulan UNIMAS sebagai salah sebuah Universiti Awam di negara ini, terus menyerlah dengan pemantapan prasarana





pembelajaran, apabila berjaya dalam rundingan mendapatkan pembiayaan sebanyak RM745 juta daripada peruntukan inisiatif dua hala antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Jepun, untuk menyokong pembinaan Kampus Induk yang bersifat terbuka dengan kawasan seluas 1,040 hektar. Perasmian bagi kerja-kerja pembinaan Kampus Induk telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak pada ketika itu, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud pada 13 Mei 2002.

Pada 18 April 2006, Kampus Induk yang tersergam indah, luas dan terbesar di Sarawak, telah dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi. Disamping itu, Kampus Induk UNIMAS turut disenaraikan antara 10 kampus tercantik di Malaysia.

Berdasarkan pencapaian lepas, kita dapat menelusuri perkembangan UNIMAS daripada sebuah kampus kecil, menjadi sebuah kampus yang dikagumi. Kita yang bermula daripada 2 buah fakulti pada 1992, kini telah menjadi 9 buah fakulti pada tahun 2017. Semoga segala perancangan dabulu dan kini, dapat direalisasikan dengan kesungguhan, kecekalan dan komitmen bersama daripada seluruh warga UNIMAS. Semoga UNIMAS yang kita sayangi ini, dapat menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi contoh dan dirujuk, bukan hanya di Malaysia tetapi juga di peringkat global.



Januari			
Majlis Amanat Nabi Cenderas 2017	25 Januari	Syarahan Perdana "Engendering Gender Research in Sarawak" oleh Prof Dr Haw Cheng Sim	3 Mei
Februari		Siri Jelajah Memahami Dasar Ekonomi Negara	4 Mei
Majlis Konvokesyen Healthcare Facility Management Certification (HFMC) Sesi 2016/2016	4 Februari	Minggu Sukarelawan UNIMAS 2017	7-13 Mei
Persamaan I-Studio MOOC Faculty Of Engineering's Workshop On Strategies In Achieving 2017 KPI's	20 Februari	Community and Health Outreach Programme to Cambodia	9-14 Mei
Science Exploration	25-26 Februari	Majlis Anugerah Kecemerlangan FK	12 Mei
Sarawak Career and Training (SCT) Fair 2017	3 - 5 Mac	Program Hari Integriti UNIMAS 2017	12 - 13 Mei
Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50)	11 Mac	Larion Hari Integriti	12 Mei
Syarahan Perdana "Wood: Its Benefits and Versatility" oleh Prof Dr Ismail Jusoh	15 Mac	MEGAH 2017	13 Mei
Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2017	18-19 Mac	Training and Awareness Industrial Program (TRIA 2017)	14 - 15 Mei
Majlis Persamaan Green-i 2017	22 Mac	UNIMAS Innovation and Technology Exposition 2017 (InTEX17)	17 - 18 Mei
Segmen TV : Sembang Kopi D (Astro Awani)	23 Mac	Majlis Anugerah Sukan MASUM	20 Mei
Alumni Homecoming Dinner 2017	25 Mac	Cetusan Inspirasi Pelajar Tahun Akhir (CITA) 2017	22-26 Mei
Sejenak Bersama Ulama' 3.0	25 Mac	The 10th International Conference on Information Technology in Asia 2017 (CITA17)	23 - 24 Mei
Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS	28 Mac	Mac	
Harith Iksander Live @ UNIMAS	30 Mac	Majlis Ikram Pelajar Baharu Asasi Sains Sesi 2017/2018	4 Jun
Kejohanan Sukan Mahasiswa UNIMAS	1 - 30 April	Majlis Iftar Jameia UNIMAS	12 Jun
1st Malaysia- Borneo Medicolegal & Forensic Aspect in Clinical Practice Conference 2017	2 April	Bengkel Low Carbon Campus	14 - 15 Jun
Regional Nursing Students' Conference (RNSC) 2017	6-8 April	Lawatan Chengdu University UNIMAS Ngabong Raya 2017	6 Julai
Kejohanan Olahraga MAKSAK Sarawak 2017	6-9 April	Lawatan National Chang Hua University of Education Taiwan	11 Julai
Youth Inspirational Carnival	8 - 30 April	Bengkel Kelestarian Sistem Hidro Mikro	12-13 Julai
UNIMAS Health Month	9-18 April	Seminar Kepustakawan 2017	25-26 Julai
Telcentrum Programme for Orang Asli Pos Sinderut Kuala Lipis Pahang	12 April	Borneo Scientific Meeting 2017	26 - 27 Julai
Programme Kesihatan UNIMAS to Kapit and Limbang	17-21 April	Study Visit from Tokyo Tech High School	21 Julai
Majlis Perancangan Makmal Industri Smart City UNIMAS -KIWITECH Sdn Bhd	18 April	April	
Termeduaga Terbuka Skim Lelihan 1 Malaysia (SL1M) Pengkalan Negeri Sarawak	19-20 April	STEM Innovation and Nature Fair 2017	2 Ogos
UNIMAS International Carnival	22 April	Yunnan Provincial Delegation Visit	4 Ogos
Carnival Youngpreneurs, Go!	22 - 23 April	Lawatan Nottingham Trent University UK	5 Ogos
Program Cinta Ilmu 2017	25 April	Persidangan Antarabangsa iCLS2017: Sustaining Languages and Cultures: Borneos and Beyond	9-10 Ogos
The 6th International Bornean Frog Race 2017	28-29 April	International Summer Programme	14 - 23 Ogos
Mei		The Inaugural UNIMAS SoTL Symposium	15 - 16 Ogos
Jun		International Conference of Development Environment and Society (ICDES)	16 - 17 Ogos
Julai		Hari Keluarga UNIMAS 2017	19 Ogos
Ogos		Skilled Human Capital Development Conference	21 - 23 Ogos
September		Malam Ambang Kemerdekaan	30 Ogos
Oktober		September	
Oktober		Minggu Alum Pelajar Baharu 2017	4 - 10 September
Oktober		Malam Rumput Budaya	8 September
Oktober		Mass CPR (Malaysian Book of Record)	20 September
Oktober		The International UNIMAS STEM 10th Engineering Conference 2017 (EricCon2017)	13 - 15 September
Oktober		Mass CPR Awareness and Training Programme	20 September
Oktober		Festival Sukan Kolaj UNIMAS	23 - 24 September
Oktober		Oktober	
Oktober		Biodiversity Evening / World Animal Day	4 Oktober
Oktober		UNIMAS Borneo Cultural Festival	6 - 7 Oktober
Oktober		"Road to Sarawak's Quantum Leap in Digital Economy" Awareness Program Week 2017	9 - 15 Oktober
Oktober		I-IDEA Forum "Road to Sarawak's Quantum Leap in Digital Economy"	11 Oktober
Oktober		Persidangan Antarabangsa Penyelitian Buku Borneo	11- 13 Oktober
Oktober		Pesta Buku Borneo	13 - 15 Oktober
Oktober		Borneo Business Research Colloquium 2017	12-13 Oktober
Oktober		Karnival Rindok Sarawak	13 - 15 Oktober
Oktober		Kejohanan Sukan Air Kolej UNIMAS 2017	14 - 15 Oktober
Oktober		UNIMAS Silver Jubilee Conference (USJC)	18 - 20 Oktober
Oktober		eBorneo Knowledge Fair Ba'kelalan	24 - 28 Oktober
Oktober		Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Sarawak 2017	28 Oktober
Oktober		UNIMAS Run 2017	29 Oktober
Oktober		Peraisian Galeri UNIMAS	31 Oktober
Oktober		November	
Oktober		Majlis Makan Malam Jubil Perak	5 November
Oktober		Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-21	6 - 9 November
Oktober		Kejohanan Duathlon UNIMAS	12 November
Oktober		The International Conference of Applied and Creative Arts 2017 (ICACA17)	12-23 November
Oktober		Minggu Seni Budaya dan Warisan 2017	22-25 November
Oktober		Kejohanan Olahraga antara Kolej UNIMAS 2017	25 - 26 November
Oktober		The 5th International Conference on Natural Resources in the tropics 2017 (NRI trop)	27-28 November
Oktober		Programme Scientific Expedition	November
Oktober		ba Benguh, Bau	
Oktober		Disember	
Oktober		Kejohanan Sukan antara Pusat Sukan Universiti 2017	7 - 10 Disember
Oktober		Kejohanan Sukan Sarawak 2017	14 - 17 Disember

* Tarikh program tertakluk kepada perubahan


SAMBUTAN 25 TAHUN JUBLI PERAK UNIMAS



Pada tahun ini, genap 25 tahun kewujudan UNIMAS di Bumi Kenyalang.

Sejak penubuhannya pada 24 Disember 1992, UNIMAS telah melangkah jauh ke hadapan dalam merealisasikan visi dan misinya untuk menjadi sebuah Universiti pilihan, golongan pelajar dan akademik melalui pencapaian cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan kesarjanaan.

Di usia sebegini, UNIMAS telah berjaya berada dalam kapasitinya yang tersendiri iaitu setara dengan institusi pengajian tinggi lain, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sehubungan itu, sempena sambutan 25 Tahun Jubli Perak UNIMAS, adalah wajar bagi kita semua untuk menilai semula hala tuju Universiti serta peranan setiap warganya dalam memenuhi tuntutan dan keperluan masa kini.

The image shows an aerial perspective of a large, modern bridge with a distinctive curved, translucent roof. The bridge spans a multi-lane road with yellow crosswalks. The surrounding area is densely forested with green trees, and in the far distance, several modern buildings are visible under a clear sky.

CABARAN 2017

Pada hari ini, dalam mengurus dan mentadbir sebuah institusi pengajian tinggi, kita berdepan dengan pelbagai cabaran. Dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu, kita harus memikirkan semula kaedah yang sesuai untuk mengurus sumber Universiti yang semakin terhad (*scarcity of the resources*).

Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna kita harus mengorbankan kualiti perkhidmatan dan penyampaian, sama ada kepada pelajar mahupun masyarakat. Universiti perlu mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga manusia, untuk memastikan setiap warga UNIMAS dapat menyumbang ke arah kecemerlangan Universiti.

Selain itu, Universiti juga perlu membuat penajaran dan penambahbaikan dalam merealisasikan 10 lonjakan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), PPPM (PT).





Disamping komitmen kita kepada Kerajaan Pusat, UNIMAS juga perlu memainkan peranan yang signifikan dalam membantu Kerajaan Negeri, yang juga merupakan pemegang taruh utama, yang mahu Universiti terlibat langsung dalam meningkatkan taraf pendidikan, sosio-ekonomi selain merangsang penyelidikan dalam bidang keutamaan di Sarawak.

Cabaran dahulu, kini dan masa hadapan tidak pernah serupa dan sentiasa berubah mengikut keperluan dan kehendak semasa. Kita sebagai hamba yang lemah di muka bumi ini, hanya mampu merancang dan berusaha, agar apa yang kita rancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.



Kejayaan juga bukan datang bergolek, ia mestilah disertai dengan usaha dan komitmen yang berterusan, khususnya daripada semua lapisan warga UNIMAS. Sehubungan itu, pada awal tahun baharu ini, marilah kita bersama-sama memperbaharui azam, dan mengukuhkan iltizam dan tekad, agar Universiti yang kita cintai ini, dapat mengharungi segala cabaran dan rintangan yang mendatang.







IMBASAN KEJAYAAN 2016




“ Kejayaan sesebuah organisasi dan UNIMAS khususnya, bukan hanya sumbangan individu, tetapi merupakan sumbangan seluruh warga kerja, tidak mengira pelajar, staf pelaksana, pegawai Pengurusan dan Profesional mahupun staf akademik. ”

Mengimbau kejayaan sepanjang Kalendar 2016, jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada warga Universiti, yang telah banyak menyumbang dan mengharumkan nama UNIMAS. Sesungguhnya kejayaan merupakan pencapaian terbaik dalam memartabatkan dan menjulang nama Universiti ini.

Kejayaan sesebuah organisasi dan UNIMAS khususnya, bukan hanya sumbangan inividu, tetapi merupakan sumbangan seluruh warga kerja, tidak mengira pelajar, staf pelaksana, pegawai Pengurusan dan Profesional mahupun staf akademik.

KECEMERLANGAN KESARJANAAN

Pada tahun 2016, statistik pelajar yang berdaftar di UNIMAS adalah seramai 13,253 orang bagi program pengajian prasiswazah yang terdiri daripada 12,877 pelajar tempatan dan 376 pelajar antarabangsa dari 52 buah negara. Manakala bagi pelajar pascasiswazah seramai 1,790 orang termasuk 255 pelajar antarabangsa dan 895 pelajar pra Universiti.



“ Kejayaan sesebuah organisasi dan UNIMAS khususnya, bukan hanya sumbangan individu, tetapi merupakan sumbangan seluruh warga kerja, tidak mengira pelajar, staf pelaksana, pegawai Pengurusan dan Profesional mahupun staf akademik. ”